

07/03/1997

Kerajaan sanjung jasa Yahaya

KUALA LUMPUR, Khamis - Kerajaan menyanjung tinggi segala daya usaha dan sumbangan Allahyarham Tan Sri Yahaya Ahmad kepada negara.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata kerajaan kehilangan seorang tokoh korporat yang berwibawa di bidang industri automobil khususnya dan seorang usahawan yang sudah memberi sumbangan tenaga dan bakti dengan penuh komitmen dan bertanggungjawab kepada negara dalam bidang lain.

Dalam surat takziah yang dihantar kepada Yatina, anak sulung Allahyarham Yahaya, Dr Mahathir berkata: "Saya dan semua ahli Jemaah Menteri ingin menyampaikan ucapan takziah kepada Puan Yatina, adik-adik serta seisi keluarga di atas kembalinya ke Rahmatullah Ayahanda Tan Sri Yahaya dan Allahyarhamah Bonda Puan Sri Rohana."

Ucapan takziah itu disampaikan secara peribadi kepada Yatina oleh Ketua Setiausaha Sulit Perdana Menteri, Datuk Abdul Aziz Ismail, hari ini.

Pengerusi Kumpulan DRB-Hicom itu bersama isterinya terkorban dalam nahas helikopter tiga hari lalu ketika dalam penerbangan pulang untuk menziarahi ibunya yang sakit tenat di Kuala Terengganu. Juruterbang Mejar (B) Azlizan Abdul Manas turut terkorban.

Perdana Menteri berkata, kerajaan menyanjung tinggi usaha dan sumbangan Allahyarham untuk meningkatkan prestasi Hicom dan segala aktivitinya.

"Saya berharap Yatina dan adik-adik menggabungkan kekuatan dan lebih bersabar di dalam menghadapi detik-detik kesedihan ini. Semoga Allah Subhanahuwataala mencucuri rahmat-Nya ke atas roh kedua-dua ayahanda dan bonda yang tercinta."

Selain Yatina, 24, Allahyarham meninggalkan dua anak lelaki Ahmad Othman, 22, dan Ahmad Faez, 21, dan seorang lagi anak perempuan berusia 13 tahun, Nadia.

Mereka kehilangan seorang lagi orang yang dicintai apabila nenek mereka iaitu ibu Allahyarham Yahaya, Mandak Omar, 77, meninggal dunia hari ini selepas enam hari dirawat di Hospital Kuala Terengganu kerana menghidap penyakit angin ahmar. - Bernama

(END)